

---

**PEKELILING AM BIL. 8 TAHUN 2022**


---

**PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA STAF  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
PADA BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK 1443H TAHUN 2022**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memperincikan pelaksanaan waktu bekerja staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada bulan Ramadhan Al-Mubarak 1443H Tahun 2022, selaras dengan peraturan yang telah dikeluarkan melalui Pekeliling Pengurusan Bil. 11 Tahun 2019 berkaitan Pelaksanaan Waktu Fleksi (WBF) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

**PELAKSANAAN**

WBF merupakan masa bekerja yang fleksibel di mana staf diberi fleksibiliti untuk hadir bekerja dalam tempoh waktu masuk dan waktu pulang yang ditetapkan, dengan syarat staf telah memenuhi waktu bekerja rasmi sehari.

UTHM telah menerima pakai pelaksanaan WBF bermula tahun 2019, termasuk pelaksanaannya dalam bulan Ramadhan. Melalui penetapan ini, staf yang bertugas dalam waktu pejabat (waktu bekerja fleksi yang ditetapkan) diberikan fleksibiliti dengan mengurangkan waktu rehat selama 30 minit bagi membenarkan staf meninggalkan pejabat 30 minit lebih awal, di sepanjang bulan Ramadhan. Penetapan WBF di bulan Ramadhan adalah sebagaimana berikut:

Hari	Waktu Masuk	Waktu Pulang	Tempoh Bekerja	Waktu Rehat
Ahad - Rabu	Di antara jam 7.30 pagi – 9.00 pagi	Di antara jam 4.00 petang – 5.30 petang ( <i>Waktu pulang telah mengambilkira pengurangan 30 minit</i> )	8 jam 30 minit	Ahad – Khamis  1.00 tengahari – 1.30 tengahari
Khamis	Di antara jam 7.30 pagi – 9.00 pagi	Di antara jam 2.30 petang – 4.00 petang ( <i>Waktu pulang telah mengambilkira pengurangan 30 minit</i> )	7 jam	

## **TARIKH KUATKUASA**

Penetapan waktu bekerja di sepanjang bulan Ramadhan Al-Mubarak 1443H bagi tahun 2022 adalah berkuatkuasa mulai 4 April 2022 (Isnin) sehingga 2 Mei 2022 (Isnin) tertakluk kepada pengisytiharan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

Sekian untuk makluman dan perhatian YBhg. Prof. Datuk / YBhg. Prof. / Tuan / Puan.

Terima kasih.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”**  
**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

Yang benar,



**ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN**  
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi  
☎ 07-4537100